

Penduduk Rimas Gangguan Monyet Liar

Oleh: Rabiatuladawiyah Binti Haron, 1180289

PASIR GUDANG, 25 November: Sekumpulan monyet liar yang mengganggu dan mencero boh kawasan perumahan Taman Nusa Damai di sini mengundang kebimbangan dalam kalangan penduduk setempat.

Ancaman itu dihadapi penduduk sejak beberapa bulan lalu selepas monyet berkeliaran di luar kawasan rumah.

Bagaimanapun, kebelakangan ini, keadaan menjadi semakin teruk apabila haiwan liar terbabit berani mencero boh masuk ke dalam rumah.



Keadaan dapur yang bersepah akibat gangguan dari monyet liar. FOTO- Shahrizal Elias

Seorang penduduk, Haslinda Haron, 43, berkata, haiwan terbabit didapati menyelongkar serta melarikan makanan sehingga menyebabkan rumahnya berselerak dan kotor.

Beliau berkata, kediamannya sudah lima kali dicerobohi monyet-monyet tersebut dan bimbang dengan keselamatan diri jika diserang haiwan liar terbabit.

“Saya menelefon suami supaya cepat pulang dan apabila tiba di rumah, dia mendapati tepung, beras serta barangan di dapur berterabur dan bersepah”, katanya.



Seekor dari monyet liar yang mengganggu kawasan perumahan di Taman Nusa Damai, Pasir Gudang. FOTO- Shahrizal Elias

Seorang lagi penduduk, Sharizal Elias, 42, memaklumkan, kehadiran kumpulan monyet itu menjadi lebih serius dipercayai kerana habitatnya di ladang getah berdekatan terjejas berikutan pembangunan projek perumahan.

Menurutnya, masalah ini sudah dimaklumkan kepada Jabatan Perhilitan dengan pihak berkenaan telah beberapa kali membuat tinjauan dan usaha membendung masalah ini telah dilakukan, namun keadaan itu masih berlarutan.

“Jadi saya berharap isu gangguan haiwan liar ini dapat diberi perhatian pihak berwajib untuk melaksanakan usaha-usaha lain bagi membendung masalah ini, sebab risau akan keselamatan penduduk setempat terutama suri rumah yang sepanjang masa berada di rumah dan kanak-kanak di kawasan perumahan ini”, jelasnya.